

Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 5

TEMA 7: KELESTARIAN ALAM UNIT 19: CERIAKAN BUANA KITA

SP: 2.2.1 Membaca dan memahami maklumat berdasarkan bahan multimedia untuk membuat pertimbangan dan keputusan.

Arahan: Baca dan rujuk buku teks halaman 145. Lengkapkan dialog berdasarkan teks di bawah.

Tajuk: Terarium atau Pasu?

Afifi dan Sofea berkongsi cerita tentang tanaman mesra alam mereka kepada rakan sekelas.



Selamat sejahtera, kawan-kawan. Hari ini, saya akan bercerita tentang terarium mesra alam milik saya. Terarium ialah bekas lut sinar yang digunakan untuk memelihara tumbuh-tumbuhan kecil. Saya menghasilkan terarium mesra alam ini di dalam bekas kaca yang pelbagai saiz dan bentuk. Bekas ini biasanya saya tutup untuk mencegah kehilangan kelembapan.

Tanaman ini senang untuk saya jaga. Saya tidak perlu menyiram tanaman ini selalu. Terarium ini boleh diletakkan di ruangan kecil di dalam rumah. Terarium menjadikan ruang tamu dan bilik tidur saya cantik dan ceria. Terarium mampu menjadi terapi minda bagi mengurangkan stres.



Selamat sejahtera, kawan-kawan. Hari ini, saya akan menceritakan perihal tanaman bunga di halaman rumah saya. Saya lebih suka memanfaatkan halaman rumah dengan tanaman pelbagai jenis pokok bunga. Saya menanam pokok bunga di dalam pasu yang pelbagai bentuk dan saiz.

Saya hanya menyiram tanaman saya pada waktu pagi dan petang. Bunga yang sedang mekar memberi saya sekeluarga kepuasan. Kecantikan bunga pula menghidangkan panorama indah dan menyejukkan pandangan. Bagi saya, hobi ini juga antara terapi untuk menenangkan diri sambil bersantai dengan keluarga tersayang.

Danish, kaedah tanaman manakah yang kamu suka? Mengapa?

Apakah pula pilihan kamu, Tinesh?

Saya suka kaedah penanaman kerana . Dengan itu, saya memilih .



Nama:

Tarikh:

Arahan: Lengkapkan dialog dengan perkataan yang sesuai berdasarkan teks halaman 145.

ruangan

kepuasan

ceria

panorama

Kecantikan

terapi minda

bersantai

dalam pasu

dijaga

terarium

Danish : Saya suka kaedah penanaman [] kerana tanaman ini senang []. Dengan itu, saya memilih terarium kerana tanaman ini boleh diletakkan di [] kecil di dalam rumah. Terarium menjadikan ruang tamu dan bilik tidur saya cantik dan []. Terarium juga mampu menjadi [] bagi mengurangkan stres.

Tinesh : Saya suka kaedah penanaman pokok bunga [] kerana tanaman ini hanya perlu disiram pada waktu pagi dan petang. Dengan itu, saya memilih cara ini kerana bunga yang sedang berkembang memberikan [] kepada saya sekeluarga. [] bunga pula menghidangkan [] indah dan menyejukkan pandangan. Bagi saya, hobi ini juga antara terapi untuk menenangkan diri sambil [] dengan keluarga tersayang.

